

## KATA HAMPIR MAKNA

### **Latihan Pengukuhan 1**

Pilih perkataan yang sesuai untuk ayat-ayat berikut.

basi    hanyir    hancing    busuk    tengik    hapak    hangit

1. Buah-buah epal yang disimpan lama dalam peti sejuk telah \_\_\_\_\_.
2. Bilik air itu sentiasa berbau \_\_\_\_\_ akibatnya kebersihan tidak dijaga dengan baik.
3. Walaupun minyak itu barulah dibeli, tetapi ia sudah berbau \_\_\_\_\_.
4. Baju usang itu berbau \_\_\_\_\_ setelah lama tidak dipakai.
5. Gulai yang dimasak semalam telah dibuang oleh ibu kerana ia telah \_\_\_\_\_.
6. Ayam goreng itu hangus dan berbau \_\_\_\_\_ kerana api terlalu besar.
7. Tangan kakak berbau \_\_\_\_\_ setelah menyang beberapa ekor ikan sungai.

gembur   rangup   rapuh   lembik   lemau   lembut   empuk

8. Tanah yang \_\_\_\_\_ itu sesuai untuk semua jenis tanaman.
9. Kuih ini \_\_\_\_\_ dan tidak sedap dimakan kerana terlebih air .
10. Pertelingkahan tentang beberapa isu membayangkan betapa \_\_\_\_\_nya hubungan yang terjalin antara mereka.
11. Keropok yang dijual oleh Puan Ani sangat laku kerana sungguh \_\_\_\_\_nya.
12. Biskut-biskut ini perlulah disimpan dalam bekas supaya ia tidak menjadi \_\_\_\_\_.
13. Siput babi memakan bahagian tumbuh-tumbuhan yg \_\_\_\_\_ dan hijau.
14. Ubi keledek itu belum \_\_\_\_\_ lagi kerana barulah direbus.